

# Ong diminta dedah nama orang politik

UM : 8 DEC 2002

Oleh TUKIRAN KITAM

MUAR 7 Dis. — Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini meminta Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat mendedahkan nama orang politik yang melindungi ceti haram jika benar beliau mengetahui siapa yang terlibat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu bimbang, isu tersebut akan menimbulkan rasa sangsi atau syak wasangka masyarakat terhadap orang politik jika ia terus dirahsiakan.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO berkata, Tee Keat patut membuat laporan terus kepada menteri yang berkenaan atau Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, jika dia tahu siapa yang terlibat.

“Tetapi jangan dirahsiakan, kalau pun tidak didedah pada awam, tetapi dia boleh sampaikan maklumat kepada pihak berkenaan.

“Tuduhan begitu sudah tentu akan me-

nyebabkan orang ramai membuat pelbagai andaian. Lebih baik beliau sampaikan maklumat kepada pihak yang berkenaan.

“Kita tidak boleh membuat kenyataan rambang kerana orang mula sangsi siapa yang bertanggungjawab, sama ada orang MCA, Gerakan, UMNO atau Pas,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan rumah terbuka sempena Aidilfitri di sini, hari ini bagi mengulas pendedahan Timbalan Menteri Belia dan Sukan itu baru-baru ini yang menyatakan ada orang politik terbabit melindungi ceti haram.

Menurut Muhyiddin, isu tersebut bukan soal mereka yang terlibat orang politik atau sebaliknya tetapi sesiapa sahaja yang terlibat dalam ceti haram patut dikenakan tindakan.

Beliau menegaskan semua pihak harus melihat masalah atau ancaman ceti haram itu secara objektif bagaimana ia menular secara meluas dalam masyarakat.

“Pada akhirnya orang ramai berpendapat,

walaupun ada undang-undang, kenapa tidak ambil tindakan penguatkuasaan.

“Keduanya, kita kena tengok semula undang-undang yang sedia ada sekarang. Mungkin ia tak cukup kemas sebab itu ada cadangan supaya dipinda,” tambahnya.

Persoalan juga timbul kata beliau, sama akta pinjam meminjam yang diwujudkan dan diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak lebih 50 tahun lalu itu sesuai dengan keadaan semasa.

“Pada waktu itu mungkin sesuai tetapi sekarang ini adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dianggap badan yang paling berkesan menangani soal ini,” ujarnya.

Dalam hubungan ini kata Muhyiddin, kerajaan mungkin boleh menilai sama ada ia perlu dibawa ke Kabinet untuk diputuskan tentang kemungkinan meletakkannya di bawah satu agensi atau kementerian lain yang lebih sesuai.